



suara eperolehan

Ogos 2002 | Fasa 3 | Edisi 2

Sidang Editor:

En Cheong Beng Seng
Pn Aabidah Siraj
En Megat Zolkafeli
En Mohd Asri Musa
Pn Jaya Nair
Pn Salina Isa
Cik Hasfa Reny

Grafik & Rekabentuk:

Cik Hasfa Reny

Penghebahan strategi pelaksanaan eP diteruskan lagi



Sebahagian daripada para peserta dari Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang menghadiri taklimat ePerolehan

Selepas beberapa sesi taklimat ePerolehan yang diadakan selama ini, ia ternyata memainkan peranan yang penting sebagai medium komunikasi di antara para pengguna Kerajaan dan Unit ePerolehan. Selain daripada memaklumkan para pengguna tentang status terkini pembangunan projek dan menyampaikan maklumat Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan, ia juga bertujuan untuk mendapatkan komitmen dan kerjasama daripada PTJ-PTJ untuk melaksanakan Sistem ePerolehan.

Taklimat bagi Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah diadakan dengan jayanya pada 11 Jun 2002, bertempat di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur. Sambutan yang diterima adalah sangat menggalakkan. Lebih daripada 100 peserta telah hadir ke taklimat tersebut. Turut hadir bersama adalah Y.Bhg. Datuk Othman Baba, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Y.Bhg. Dato' Hj. Abdul Majid Bin Hj. Hussein, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Operasi), Kementerian Kewangan Malaysia.

Seterusnya pada 15 Julai 2002, bertempat di Dewan Seri Baiduri, INTAN, Bukit Kiara, taklimat telah diadakan untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ia telah dihadiri oleh Y.Bhg. Dato' Rosli Bin Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta para pegawai Kementerian.

Hasil maklumbalas yang diterima dari sesi taklimat tersebut adalah sangat berguna bagi tujuan penambahbaikan Sistem ePerolehan. Usaha ini akan diteruskan secara aktif dari masa ke semasa untuk memastikan semua Kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk melaksanakan perolehan secara elektronik sejajar dengan seruan Kerajaan Malaysia.

Pembekal Kerajaan menerima perkhidmatan tambah-nilai di seminar

Pasukan ePerolehan kini sedang giat menjalankan seminar bagi memberi kesedaran kepada para pembekal Kerajaan di seluruh Malaysia mengenai Sistem ePerolehan. Selain daripada taklimat, seminar ini turut menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tambah-nilai bagi memudahkan para pembekal melaksanakan Sistem ePerolehan.



Seminar pembekal menyediakan pelbagai maklumat berguna tentang Sistem ePerolehan kepada para pembekal Kerajaan

Turut dijemput ke seminar tersebut ialah pembekal bagi alat pembaca kad pintar, pembekal komputer dan peralatan komputer, pihak berkuasa persijilan iaitu Digicert Sdn. Bhd. dan syarikat yang menyediakan perkhidmatan penyediaan katalog elektronik iaitu MyKatalog.com Sdn. Bhd. Ini memberi peluang kepada para pembekal Kerajaan untuk mendapatkan nasihat, panduan dan mengumpul maklumat terperinci tentang perkhidmatan dan peralatan yang diperlukan di dalam proses “enablement” (pelaksanaan) kelak.

Beberapa siri seminar telah dijalankan di sepanjang bulan Jun dan Julai yang lalu untuk pembekal-pembekal Kementerian Kewangan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Jabatan Perdana Menteri. Sebahagian daripada pembekal-pembekal ini juga berkesempatan untuk mempelajari Sistem ePerolehan dan Sistem MyKatalog.com secara “hands-on” di Kem Seminar tersebut. Latihan praktikal ini bertujuan untuk memberi dorongan dan keyakinan kepada pengguna untuk menggunakan Sistem ePerolehan. Usaha ini akan diteruskan bagi Kementerian Kesihatan pada bulan Ogos dan September 2002.

Cabaran Integrasi di antara Sistem ePerolehan dan SMS (PDRM)

Para pegawai polis dari “Specific Material Stores” (SMS) telah menghadiri satu taklimat dan demonstrasi Sistem ePerolehan pada 25 Jun yang lalu di MAMPU, Putrajaya. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Y. Bhg. Datin Nazariah Bt. Mohd Khalid, Pengarah Bahagian Pembangunan Kerajaan Elektronik dan Y. Bhg. Dato’ Ali Hanafiah bin Hashim, Pengarah Jabatan Logistik, PDRM.

Objektif utama taklimat tersebut ialah bagi membincangkan cabaran integrasi untuk mengantaramuka Sistem ePerolehan dan SMS, menerangkan aliran proses bagi modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus serta memaklumkan tentang status terkini pelaksanaan projek ePerolehan. Demonstrasi dan penerangan tersebut telah diberikan oleh Encik Wan Omar bin Wan Abdul Ghani dari Unit ePerolehan.



eP dilaksanakan ke seluruh Semenanjung



Perbincangan sedang dijalankan di antara pegawai-pegawai dari Unit

Selepas operasi pelaksanaan ePerolehan diadakan untuk PTJ-PTJ di bawah Kementerian Kewangan pada 28 hingga 30 Mei 2002, ianya telah diteruskan ke PTJ-PTJ di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Tanah & Pembangunan Koperasi. Pasukan ePerolehan telah menjelajah ke seluruh Semenanjung dari 1 hingga 5 Julai 2002 untuk mengadakan taklimat dan pengumpulan maklumat pengguna. Proses pelaksanaan ini adalah penting untuk

mengenalpasti para pengguna di PTJ-PTJ dan peranan mereka di dalam Sistem ePerolehan. Maklumat-maklumat tersebut adalah penting untuk pengeluaran kad pintar kepada para pengguna. Selain daripada itu, maklumat-maklumat berkenaan PTJ, pembekal, perkakasan dan perisian yang lengkap juga penting untuk memastikan pelaksanaan Sistem ePerolehan berjalan dengan lancar.

Sejumlah 155 PTJ dari Jabatan Perdana Menteri dan 44 PTJ dari Kementerian Tanah & Pembangunan Koperasi telah dikenalpasti sebagai pusat-pusat perolehan. PTJ-PTJ yang terlibat di bawah jabatan/kementerian tersebut adalah seperti berikut:

Jabatan Perdana Menteri	
Jabatan Perkhidmatan Awam	Jabatan Perangkaan
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Badan Pencegah Rasuah
Biro Bantuan Guaman	JAKIM
Jabatan Pemegang Harta	Mahkamah
Unit Penyelaras Pelaksanaan	Bahagian Keselamatan Negara
Suruhanjaya Pilihanraya	Biro Tatanegara
Jabatan Audit	Jabatan Peguam Negara
Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi	
Jabatan Ukur Dan Pemetaan	Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian
Jabatan Pembangunan Koperasi	-

Usaha pelaksanaan ini diteruskan lagi ke PTJ-PTJ di bawah Kementerian Kesihatan mulai 12 hingga 15 Ogos ini.



Jurulatih dan Pengguna Kerajaan menghadiri latihan aplikasi ePerolehan




Jurulatih kursus sedang memberikan latihan "hands-on" kepada para peserta yang hadir

Para pengguna dari PTJ-PTJ di bawah Kementerian Kewangan telah selesai menghadiri sesi latihan yang berlangsung dari 2 hingga 12 Julai 2002. Seramai 120 peserta dari Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Kastam telah menghadiri kursus tersebut. Tenaga-tenaga pengajar dari Unit ePerolehan dan jurulatih-jurulatih Kerajaan telah berpadu tenaga untuk memberikan latihan intensif yang mengambil masa dua hari bagi setiap sesi. Latihan-latihan telah diadakan di beberapa lokasi utama iaitu Bilik Latihan Merak, Commerce Dot Com di Cyberjaya, Bilik Komputer Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Putrajaya dan INSPEN di Bangi.

Seterusnya, latihan jurulatih untuk PTJ-PTJ di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah diadakan dari 15 hingga 18 Julai 2002. Selain daripada penerangan tentang aliran proses bagi modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus, penekanan diberikan kepada latihan "hands-on" untuk para peserta. Semasa sesi latihan ini, setiap peserta memainkan semua peranan yang terlibat di dalam sesuatu urusan iaitu peminta, pelulus, pegawai penerimaan barangan, pegawai padanan pembayaran dan pembekal. Teknik ini ternyata berkesan untuk memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang pelaksanaan Sistem ePerolehan.

Latihan selanjutnya bermula pada pertengahan bulan Ogos 2002 sehingga akhir September 2002. Unit Change Management dan Latihan ePerolehan akan terus memantau program latihan dari masa ke semasa untuk memastikan para peserta kursus dapat memahami dan menggunakan Sistem ePerolehan dengan baik. Selain daripada modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus, para peserta juga akan diajar tentang perisian "CDC Client Module" bagi sesi latihan akan datang. Ini merupakan satu langkah peningkatan yang telah diambil untuk melengkapkan para peserta dengan maklumat penggunaan sistem yang menyeluruh.



Sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi:
Unit Khidmat Bantuan Pelanggan
(Customer Service)
Commerce Dot Com Sdn Bhd
Blok Enggang, Cyberview Gardens
63000 Cyberjaya
Tel: 03 8312 2525 (Pembekal) / 03 8312 2626 (PTJ)
Faks: 03 8318 2488
Emel: bantuan@eperolehan.com.my

